

**PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN LBS KONGSI VISI “MEMBINA
PERNIAGAAN MASA HADAPAN” DI PERSIDANGAN DAN
PAMERAN ‘NOW AND FUTURE 2025’**

Kuala Lumpur, 18 September 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, mengumumkan bahawa Pengerusi Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, telah diundang untuk menyampaikan ucap tama di Persidangan dan Pameran ‘Now and Future’ 2025. Persidangan ini, yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dari 17 hingga 20 September 2025, bertemakan “A Better Future”. Ia merupakan persidangan dan pameran perdana yang dianjurkan bersempena Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN (AIPA Malaysia 2025) kali ke-46.

Dalam ucap tamanya bertajuk “Building the Business of Tomorrow”, Tan Sri Lim menekankan transformasi ASEAN sebagai salah satu blok ekonomi yang berkembang paling pesat di dunia, dengan gabungan KDNK melebihi USD 4 trilion pada tahun 2024. Beliau turut menegaskan bahawa kekuatan ASEAN bukan sahaja terletak pada dinamik ekonominya, tetapi juga pada kepelbagaian, daya tahan, dan perpaduannya.

Tan Sri Lim menekankan bahawa perniagaan masa depan memerlukan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dengan keterangkuman sosial, pertukaran budaya, dan kelestarian. Beliau turut mengetengahkan komitmen LBS terhadap prinsip-prinsip ini melalui inisiatif perumahan mampu milik, tenaga boleh diperbaharui, dan pembangunan berfokuskan komuniti, selaras dengan keutamaan ASEAN yang lebih meluas.

“Apabila kita membina perniagaan masa depan, fokus haruslah melangkaui keuntungan. Kita harus mengangkat keterangkuman, kelestarian, dan inovasi, di samping memperkukuh kerjasama serantau,” ujar Tan Sri Lim.

Menekankan peranan Malaysia sebagai jambatan dalam ASEAN, beliau turut menggariskan kepentingan diplomasi, hubungan antara rakyat, dan pemahaman budaya sebagai tonggak penting bagi pertumbuhan dan kestabilan jangka panjang.

Tan Sri Lim juga menampilkan keselarasan LBS dengan keutamaan pembangunan ASEAN melalui Strategi 8 x 8, yang merangkumi inisiatif seperti penerbitan SRI Sukuk Wakalah Sosial ASEAN bernilai RM200 juta untuk membiayai perumahan mampu milik, pelaburan tenaga boleh diperbaharui termasuk ladang solar bernilai RM104 juta, serta pembangunan perbandaran lestari di seluruh Malaysia.

Sambil menyatakan penghargaan beliau atas jemputan itu, Tan Sri Lim berkata: “Adalah satu penghormatan besar dijemput sebagai penyampai ucapnama di persidangan berprestij ini. Persidangan ini merupakan wadah penting untuk berkongsi pandangan daripada sektor pembangunan hartanah dan menonjolkan bagaimana industri hartanah berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan serantau. Pembangunan hartanah bukan sekadar membina rumah; ia adalah tentang mewujudkan komuniti lestari, merangsang industri, menjana pekerjaan, dan membolehkan mobiliti sosial. Sumbangan ini merupakan tulang belakang kepada ekonomi yang berdaya tahan dan penting untuk kemajuan jangka panjang ASEAN.”

Antara penceramah terkemuka di Now and Future Conference and Exhibition 2025 termasuklah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Haji Fadillah Yusof; serta beberapa Menteri Kabinet termasuk YB Anthony Loke Siew Fook, YB Dato’ Sri Tiong King Sing, dan YB Datuk Ewon Benedick. Mereka membincangkan dengan para delegasi mengenai pengukuhan perpaduan dan pertumbuhan ASEAN.

Pada hari kedua persidangan, 18 September 2025, Perdana Menteri turut melawat reruai LBS yang turut menampilkan anak syarikatnya, MGB Berhad yang mempamerkan pembangunan dan projek terkini, mencerminkan peranan LBS dalam memacu kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia.

Persidangan dan pameran ‘Now and Future’ 2025 menghimpunkan ahli parlimen, penggubal dasar, dan pemimpin perniagaan dari seluruh Asia Tenggara, bersama tetamu kehormat dari negara-negara anggota ASEAN. Persidangan ini mengukuhkan peranannya sebagai platform penting untuk dialog, kerjasama, dan perkongsian dalam membentuk masa depan yang lebih baik dan mampan untuk rantau ini.

~Tamat~